



**KONGSI KISAH:** Pemuzik genderang setempat, Encik Riduan Zalani (*kiri*), mengongsi kisah hidup beliau bersama projek BUAL, yang dihoskan pengacara, Muhammad Shahril Abdul Wahid. – Foto TWEEQ

## Kisah cabaran dan jaya 8 personaliti dirakam

SEBUT saja nama Sheik Alau'ddin, ramai terfikir tentang silat dan pencapaian beliau dalam gelanggang silat di dalam mahupun luar negara.

Namun, ramai mungkin tidak tahu kesukaran beliau semasa kecil dan cabaran yang perlu dihadapi demi meraih kejayaan itu.

Itulah yang membuat Encik Muhammad Affan Mohd Noor, 35 tahun, dan lima rakannya memulakan projek BUAL bagi merakam kisah lapan tokoh Melayu/Islam, termasuk Sheik Alau'ddin, ketua pegawai eksekutif (CEO) Persekutuan Silat Singapu-

ra (Persisi).

Tujuh lagi individu ialah Encik Mohamed Salleh Marican, pemilik syarikat Second Chance Properties; Profesor Madya Dr Hadijah Rahmat, timbalan ketua Kumpulan Akademik Budaya dan Bahasa, Institut Pendidikan Nasional (NIE); pengarah teater, Cik Atin Amat; pemuzik genderang, Encik Riduan Zalani; Mufti Singapura, Ustaz Dr Mohamed Fatris Bakaram; Speaker Parlimen, Cik Halimah Yacob; dan pelakon popular Aaron Aziz.

Kumpulan Encik Affan akan menghasilkan DVD yang merakam wawancara bersa-

ma lapan individu itu, yang dijangka diagihkan kepada pertubuhan Melayu/Islam, dan laman web bagi memuat naik cebisan video yang diambil. DVD dan laman itu dijangka siap pertengahan tahun ini.

“Lapan individu itu dipilih atas pencapaian mereka. Mereka sudah lama berada dalam bidang masing-masing, serta memainkan peranan penting atau utama dalam bidang mereka,” kata Encik Affan.

Projek itu antara usaha yang menerima geran Dana irememberSG.

Encik Affan, pengasas syarikat berbilang media Tweeq, berkata idea projek itu tercetus sekitar dua tahun lalu.

“Saya dan rakan-rakan mendapati tidak banyak kisah atau sumber yang ada untuk mempelajari selok-belok seseorang individu Melayu/Islam berjaya. Oleh sebab itu, kami berfikir kenapa tidak kami mengumpulkan dan mengongsi kisah mereka” ujar Encik Affan.

Kumpulannya mengambil masa tiga hingga empat bulan membuat kajian, mengumpulkan sumber dan mewawancara individu yang dipilih.

“Kami mencungkil kisah kehidupan mereka semasa kecil, bagaimana mereka menjadi berjaya dan cabaran yang perlu hadapi serta apakah sumber inspirasi mereka.

“Pada mulanya, agak sukar mendapatkan mereka. Ada yang ragu-ragu, tetapi setelah kami bertemu mereka dan menjelaskan tentang projek ini, bagaimana ia akan memberi inspirasi kepada yang lain, mereka bersetuju,” ujar Encik Affan.

Beliau berharap video dan laman itu akan memberi kesedaran kepada orang ramai mengenai peri pentingnya bekerja keras bagi mengatasi cabaran demi mengecapi kejayaan yang diimpikan.

“Daripada lapan kisah ini, kami berharap masyarakat Melayu/Islam dapat belajar, mendapat inspirasi, dan menjadikan mereka peranan contoh agar kita cemerlang dalam bidang masing-masing,” kata Encik Affan.